

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SBW312 – Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Perbandaran

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

1. Kebanyakan penguasa tempatan di Malaysia menghadapi masalah kewangan.
 - a) Huraikan sumber-sumber kewangan penguasa-penguasa tempatan di Malaysia
(30 markah)
 - b) Bincangkan langkah-langkah bagi penguasa-penguasa tempatan untuk meningkatkan pendapatan mereka.
(50 markah)
 - c) Terangkan bagaimana cukai taksiran kerajaan tempatan di Malaysia dikira. Berikan contoh-contoh dengan jelas.
(20 markah)
2. Mengikut amalan di Malaysia, ahli majlis kerajaan tempatan di lantik oleh kerajaan negeri.
 - a) Apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan (1967) tentang perlantikan ahli majlis?
(20 markah)
 - b) Baru-baru ini kerajaan negeri Pulau Pinang telah menggubal beberapa syarat untuk perlantikan ahli majlis. Nyatakan syarat-syarat beru tersebut.
(20 markah)

...2/-

- c) Adakah syarat-syarat yang digubal oleh kerajaan negeri Pulau Pinang bersesuaian? Bincangkan.

(60 markah)

3. Pihak berkuasa tempatan di Malaysia mempunyai undang-undang dan undang-undang kecil untuk mengawal kebersihan di Bandar. Adakah undang-undang atau undang-undang kecil ini dipatuhi? Bincangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.

(100 markah)

4. Penjaja adalah satu fenomena biasa di semua bandar-bandar di Malaysia.

- a) Mengapakah terdapat ramai penjaja di bandar-bandar Malaysia?

(30 markah)

- b) Apakah masalah-masalah yang berkaitan dengan wujudnya penjaja?

(30 markah)

- c) Semua penguasa tempatan mempunyai undang-undang kecil untuk mengawal penjaja-penjaja. Adakah undang-undang kecil ini berkesan? Bincangkan.

(40 markah)

5. Mengikut beberapa ahli teori kerajaan dan politik, konsep “tiada percukaian tanpa perwakilan” (no taxation without representation) adalah tunggak utama kerajaan berdemokrasi. Bincangkan konsep ini dalam keadaan kerajaan tempatan di Malaysia.

(100 markah)

6. Agenda 21 telah dipersetujui pada tahun 1992 di Rio de Janeiro, Brazil oleh semua ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, termasuk Malaysia.

- a) Apakah “Agenda 21”? Huraikan.

(50 markah)

- b) Sejauhmanakah Malaysia telah mengamalkan Agenda 21 tersebut?

(50 markah)